



International Journal of World Civilizations and Philosophical Studies
(IJWCPS)
Universiti Sains Malaysia
<https://ejournal.usm.my/ijwcps/>
e-ISSN: 3030-5071
Volume 5 September 2026: 72-103

Submission date: 22.04.2026 Accepted date: 04/05/2026 Published date: 01/09/2026

**Pembingkaian Semula Governan di Alam Melayu:
Sinergi Muzium Pahang dan IIDM dalam
memperkukuhkan *Siyāsah Sulṭāniyyah*
Berteraskan *Fiqh al-Watan*
(*Reframing Governance in the Malay World:
Synergy between the Pahang Museum and the IIDM in
strengthening Siyāsah Sulṭāniyyah based on Fiqh al-Watan*)**

**Ibrahim Majdi Mohamad Kamil^{1*}
Universiti Sains Malaysia**

**Azman Yusof²
Universiti Kuala Lumpur MICET**

**Rahimin Affandi Abdul Rahim
Muzium Pahang,**

**Amran Muhammad,
Institut Ilmu Darul Makmur-MUIP**

**Muhammad Fakhruddin Ishak
Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah**

**Syamira Shalbi
Institut Ilmu Darul Makmur-MUIP**

***Corresponding author: ibrahimmajdi@usm.my**

Abstrak

Artikel ini meneliti Fiqh al-Watan sebagai kerangka governan peradaban di Negeri Pahang melalui sinergi antara Institut Ilmu Darul Makmur (IIDM) dan Muzium Pahang. Kajian ini membingkaikan semula konsep governan Melayu-Islam yang sering ditafsir melalui paradigma nation-state Barat dengan menegaskan peranan *siyāsah sultāniyyah* yang berakar dalam tradisi kesultanan dan Hukum Kanun Pahang. Pendekatan kajian menggunakan metodologi epistemologi Islam hibrid yang menggabungkan analisis teks turath, sejarah dan kuratorial muzium. Dapatan menunjukkan bahawa IIDM berfungsi sebagai institusi epistemik yang mempromosikan Fiqh al-Watan melalui wacana ilmu dan pembinaan dasar, manakala Muzium Pahang menginstitusikan konsep tersebut melalui artifak, naratif dan garis masa sejarah. Sinergi ini memperkukuhkan kefahaman masyarakat terhadap autoriti kesultanan, identiti peradaban dan tanggungjawab sosial dalam kerangka governan Islam.

Kata kunci: Fiqh al-Watan, Siyāsah Sultāniyyah, Governan Peradaban, Institut Ilmu Darul Makmur, Muzium Pahang, Hukum Kanun Pahang.

Abstract

This article examines Fiqh al-Watan as a framework for civilizational governance in the state of Pahang, enabled by the synergy between the Institut Ilmu Darul Makmur (IIDM) and the Pahang Museum. This study reframes Malay-Islamic governance, often interpreted through Western nation-state paradigms, by asserting the role of *Siyāsah Sultāniyyah*, which is deeply rooted in the sultanate tradition and the Hukum Kanun Pahang. The research employs a hybrid Islamic epistemological methodology, integrating analysis of turath (classical) texts, historical records, and museum curatorial practices. The findings demonstrate that IIDM functions as an epistemic institution that promotes Fiqh al-Watan through intellectual discourse and policy formulation, while the Pahang Museum institutionalizes these concepts through artifacts, narratives, and historical timelines. This synergy reinforces public understanding of sultanic authority, civilizational identity, and social responsibility within the framework of Islamic governance.

Keywords: Fiqh al-Watan, Siyāsah Sultāniyyah, Civilizational Governance, Islamic epistemology, Institut Ilmu Darul Makmur, Pahang Museum, Hukum Kanun Pahang.

Pengenalan

Pembingkaian semula governan di Alam Melayu memerlukan suatu pendekatan yang berakar dalam tradisi epistemologi tempatan yang menghubungkan sejarah, agama dan struktur sosial masyarakat Melayu-Islam. Dalam konteks ini, konsep pembingkaian merujuk kepada proses epistemik yang menentukan bagaimana sesuatu realiti difahami, disusun dan diberikan makna melalui sudut pandang tertentu (Goffman, 1974; Entman, 1993). Pembingkaian bukan sekadar teknik komunikasi, tetapi merupakan mekanisme kuasa yang membentuk cara masyarakat mentafsir sejarah, identiti dan struktur governan (Foucault, 1980; Said, 1978). Dalam bidang museologi dan kajian warisan, pembingkaian memainkan peranan penting dalam menentukan bagaimana sesuatu masyarakat memahami masa lalu dan membina orientasi masa depan melalui institusi seperti muzium (Bennett, 1995; Hooper-Greenhill, 2000; Smith, 2012; Harrison, 2020; Macdonald, 2020).

Dalam perkembangan sejarah moden, pembingkaian governan di kebanyakan negara Islam banyak dipengaruhi oleh model nation-state Barat yang muncul daripada pengalaman sejarah Eropah pasca-Perjanjian Westphalia. Model ini menekankan pemisahan antara agama dan negara serta mengangkat kedaulatan politik sebagai asas legitimasi kuasa (An-Na'im, 2008; Hallaq, 2013; Bell, 2015). Pendekatan ini secara tidak langsung telah mengaburkan tradisi governan Islam yang mengintegrasikan agama, hukum dan masyarakat dalam satu kerangka yang menyeluruh. Sebaliknya, dalam tradisi Islam, governan dibina atas asas tauhid, maqāṣid al-sharī'ah dan konsep amanah yang mengikat pemerintah dengan tanggungjawab moral dan spiritual (al-Māwardī, 1996; Ibn Khaldūn, 2005; Kamali, 2010; Kamali, 2019; al-Attas, 1993).

Dalam konteks Alam Melayu, khususnya negeri Pahang, pembingkaian governan secara tradisional tidak berasaskan kerangka nation-state, tetapi terbentuk melalui institusi kesultanan yang berfungsi sebagai pusat autoriti agama, politik dan sosial. Kerangka ini dapat difahami melalui konsep

siyāsah sultāniyyah, iaitu satu pendekatan governan dalam tradisi Islam yang menekankan tanggungjawab pemerintah dalam menjaga agama, menegakkan keadilan dan memastikan kesejahteraan masyarakat (Lambton, 1981; Crone, 2004). Dalam tradisi Melayu-Islam, konsep ini dimanifestasikan melalui sistem kesultanan, peranan ulama sebagai penasihat serta kewujudan undang-undang negeri seperti Hukum Kanun Pahang yang mencerminkan penerapan prinsip syariah dalam struktur governan (Ahmad Ibrahim, 2000; Hooker, 2003; Liaw Yock Fang, 2011; Milner, 2008; Andaya & Andaya, 2017).

Selain itu, perkembangan sejarah Pahang sebagai sebahagian daripada tamadun maritim Islam memperlihatkan hubungan yang erat dengan jaringan ulama dan pusat keilmuan Islam di Aceh dan Haramayn. Jaringan ini memainkan peranan penting dalam membentuk asas epistemologi kepada governan, di mana ilmu, hukum dan autoriti keagamaan menjadi teras kepada struktur sosial dan politik masyarakat (Azra, 2004; Laffan, 2011; Reid, 2015). Dalam masa yang sama, pengalaman sejarah jihad menentang penjajahan memperlihatkan bahawa konsep agama dan watan saling berkait dalam membentuk kesedaran politik masyarakat. Perjuangan tokoh seperti Dato' Bahaman dan Mat Kilau menunjukkan bahawa pertahanan terhadap tanah air merupakan sebahagian daripada tanggungjawab mempertahankan agama dan sistem governan berteraskan Islam (Bonner, 2006; Cook, 2005; Reid, 2015).

Seiring dengan perkembangan ini, konsep Fiqh al-Watan muncul sebagai satu kerangka epistemologi yang menekankan keperluan memahami hukum dan governan dalam konteks tempatan. Fiqh al-Watan berakar daripada prinsip '*urf*' dalam fiqh, *maqāṣid al-sharī'ah* serta tradisi Islamisasi ilmu yang menekankan keserasian antara wahyu dan realiti setempat (Kamali, 2008; Auda, 2021; al-Attas, 1993). Dalam konteks negeri Pahang, konsep ini dapat difahami melalui tiga intipati utama, iaitu penegasan terhadap peranan kesultanan Melayu-Islam, penggunaan metodologi turath yang merangkumi fiqh, usuluddin dan tasawuf, serta penerapan fiqh bi'ah yang menekankan keseimbangan antara manusia dan alam. Pendekatan ini memperlihatkan satu bentuk epistemologi yang mengintegrasikan agama, budaya dan ekologi dalam pembinaan governan.

Dalam konteks kontemporari, usaha untuk menginstitusikan kerangka ini dapat dilihat melalui penubuhan Institut Ilmu Darul Makmur (IIDM), sebuah institusi keilmuan negeri di bawah Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP). IIDM ditubuhkan berasaskan titah Sultan Pahang dengan visi untuk menjadi pusat kecemerlangan ilmu Islam yang mengintegrasikan tauhid, fiqh dan tasawuf dalam konteks tempatan, serta misi untuk memperkukuhkan pembangunan pendidikan, penyelidikan dan wacana peradaban Islam di negeri Pahang (IIDM, 2023). Dalam konteks ini, IIDM berfungsi sebagai institusi epistemik yang membangunkan kerangka Fiqh al-Watan serta menghubungkan tradisi keilmuan Islam dengan pembangunan polisi dan masyarakat.

Dalam masa yang sama, Muzium Pahang di bawah Perbadanan Muzium Negeri Pahang (PMNP) memainkan peranan sebagai institusi budaya yang memelihara dan mentafsir warisan sejarah negeri. Perkembangan muzium ini memperlihatkan transformasi daripada model tradisional kepada pendekatan kuratorial yang membentuk makna dan identiti masyarakat melalui naratif sejarah (Perbadanan Muzium Negeri Pahang, 2015). Melalui penyusunan artifak seperti Hukum Kanun Pahang, batu nisan Islam, manuskrip Jawi dan timeline kesultanan, muzium berfungsi sebagai institusi epistemik yang menterjemahkan konsep siyāsah sultāniyyah dan Fiqh al-Watan dalam bentuk pengalaman visual dan intelektual kepada masyarakat (Bennett, 1995; Hooper-Greenhill, 2000; Message, 2019).

Hubungan antara IIDM dan Muzium Pahang memperlihatkan satu sinergi yang signifikan dalam pemingkaian semula governan di negeri Pahang. IIDM berperanan sebagai institusi yang menghasilkan kerangka epistemologi melalui Fiqh al-Watan, manakala Muzium Pahang berfungsi sebagai medium kuratorial yang menterjemahkan kerangka tersebut dalam bentuk naratif sejarah dan pengalaman awam. Sinergi ini menunjukkan bahawa pembinaan governan tidak hanya berlaku melalui struktur politik atau pentadbiran, tetapi turut melibatkan proses pembentukan makna melalui ilmu, sejarah dan artifak.

Sehubungan itu, artikel ini bertujuan untuk menghuraikan bagaimana pemingkaian semula governan di Alam Melayu dapat difahami melalui sinergi antara IIDM dan Muzium Pahang dalam memperkukuhkan siyāsah sultāniyyah berteraskan fiqh al-watan. Pendekatan ini membuka ruang

kepada pembinaan model governan berteraskan peradaban Islam yang mengintegrasikan epistemologi, sejarah dan institusi dalam satu kerangka yang menyeluruh dan bersepadu.

Sorotan Literatur dan Jurang Kajian

Perbincangan tentang governan dalam wacana moden lazimnya dibentuk oleh kerangka nation-state yang berasaskan pengalaman sejarah Eropah, khususnya selepas Perjanjian Westphalia. Dalam kerangka ini, negara didefinisikan sebagai entiti berdaulat yang berteraskan sempadan geografi tetap, identiti nasional yang homogen serta struktur pentadbiran sekular yang memisahkan agama daripada autoriti politik (Tilly, 1990; Gellner, 1983; Hallaq, 2013). Dalam konteks masyarakat Islam, pendekatan ini menimbulkan ketegangan epistemologi kerana ia tidak selari dengan tradisi politik Islam yang meletakkan agama, akhlak dan hukum sebagai asas kepada struktur pemerintahan (al-Māwardī, 1996; Ibn Khaldūn, 2005; Kamali, 2019).

Kritikan terhadap kerangka nation-state semakin menonjol dalam literatur kontemporari, khususnya melalui hujah Wael B. Hallaq yang menegaskan bahawa negara moden bersifat tidak serasi dengan epistemologi Islam kerana menggantikan syariah dengan undang-undang positivistik serta memusatkan kuasa kepada birokrasi (Hallaq, 2013; Hallaq, 2018). Dalam wacana pascakolonial pula, dominasi epistematik Barat dilihat telah memaksakan kategori politik moden ke atas masyarakat bukan Barat, sekali gus menyingkirkan bentuk autoriti tradisional yang berakar dalam sejarah tempatan (Said, 1978; Abdel-Malek, 1963; Alatas, 2006).

Sebagai respons terhadap keterbatasan ini, konsep *civilizational state* diketengahkan sebagai alternatif yang lebih sesuai bagi masyarakat yang mempunyai kesinambungan sejarah, nilai dan tradisi agama yang kuat. Dalam kerangka ini, negara difahami sebagai pelanjut kepada warisan peradaban yang mengintegrasikan agama, budaya dan misi sejarah dalam satu sistem governan (Bell, 2015; Mahbubani, 2020). Dalam konteks Islam, pendekatan ini diperkukuhkan melalui gagasan dawlah ḥadāriyyah yang menekankan negara sebagai wadah nilai yang menzahirkan maqāṣid al-sharī'ah dalam kehidupan masyarakat (Bin Bayyah, 2017; 2018; 2019). Bahan IIDM memperluaskan kerangka ini dengan mengintegrasikan fiqh

al-watan, konsep ‘umrān Ibn Khaldūn dan pendekatan peradaban sebagai asas kepada pembinaan watan berperadaban.

Dalam tradisi Islam klasik, konsep governan berteraskan agama telah dihuraikan melalui kerangka *siyāsah sulṭāniyyah*. Literatur menunjukkan bahawa pemerintah tidak berfungsi sebagai kuasa mutlak, tetapi sebagai pemegang amanah yang bertanggungjawab menegakkan keadilan, menjaga agama dan mengurus masyarakat menurut prinsip syariah (al-Māwardī, 1996; Ibn Taymiyyah, 1998; Ibn Khaldūn, 2005). Dalam konteks Alam Melayu, konsep ini diterjemahkan melalui institusi kesultanan yang mengintegrasikan agama, adat dan autoriti politik dalam satu struktur governan yang bersepadu (Milner, 2008; Andaya & Andaya, 2017).

Seiring dengan itu, perkembangan fiqh menunjukkan bahawa hukum Islam mempunyai sifat dinamik melalui penggunaan konsep ‘urf dan *maqāṣid al-sharī‘ah* yang membolehkan hukum berfungsi secara kontekstual (Kamali, 2008; Auda, 2021). Dalam perkembangan kontemporari, pendekatan ini berkembang kepada konsep Fiqh al-Watan yang menekankan bahawa tanah air merupakan medan syar‘i untuk menzahirkan kemaslahatan, menjaga keseimbangan sosial dan memelihara hubungan manusia dengan alam. Dalam konteks negeri Pahang, Fiqh al-Watan dihuraikan melalui tiga intipati utama, iaitu peranan kesultanan Melayu-Islam, integrasi adat dan syariah serta *fiqh bi’ah* sebagai asas keseimbangan ekologi. Struktur ini membezakan Fiqh al-Watan daripada nasionalisme moden yang bersifat sekular dan etno-politik.

Dalam konteks sejarah Pahang, literatur tempatan menunjukkan bahawa negeri ini memiliki aset sejarah Islam yang signifikan yang mencerminkan kewujudan sistem governan berteraskan agama. Kajian mengenai aset sejarah Islam Pahang menegaskan bahawa institusi seperti Muzium Pahang telah mengenal pasti dan memanfaatkan pelbagai sumber seperti manuskrip, rekod kesultanan dan bahan Jawi sebagai asas kepada pembinaan naratif sejarah yang lebih tepat dan berakar dalam perspektif tempatan. Pendekatan ini selari dengan falsafah *new museology* yang menekankan peranan muzium sebagai institusi diskursif yang membentuk

makna dan identiti masyarakat (Bennett, 1995; Hooper-Greenhill, 2000; Message, 2019; Harrison, 2020).

Selain itu, kajian sejarah turut menunjukkan bahawa Pahang berkembang dalam jaringan tamadun Islam maritim yang luas, khususnya melalui hubungan dengan Aceh dan pusat keilmuan Islam di Haramayn. Bukti seperti batu nisan awal, jaringan perdagangan dan manuskrip Islam memperlihatkan bahawa negeri ini bukan sekadar penerima Islam, tetapi turut memainkan peranan aktif dalam proses Islamisasi di Alam Melayu (Azra, 2004; Laffan, 2011; Reid, 2015).

Perbincangan tentang Hukum Kanun Pahang merupakan elemen penting dalam literatur kerana teks ini menzahirkan penerapan prinsip syariah dalam struktur governan negeri. Kajian terhadap undang-undang Melayu-Islam menunjukkan bahawa HKP mengandungi sintesis antara fiqh Shāfi'ī, adat tempatan dan struktur kesultanan (Ahmad Ibrahim, 2000; Hooker, 2003; Liaw Yock Fang, 2011). Namun, kebanyakan kajian terhadap HKP masih tertumpu kepada aspek perundangan dan filologi, tanpa menghubungkannya secara langsung dengan pembinaan Fiqh al-Watan dan model governan berteraskan peradaban.

Satu lagi dimensi penting ialah sejarah jihad Melayu Pahang menentang penjajahan. Kajian menunjukkan bahawa penentangan terhadap British tidak boleh difahami semata-mata sebagai konflik politik, tetapi mempunyai dimensi jihad yang dipengaruhi oleh jaringan ulama dan tradisi keilmuan Islam. Dalam tradisi Islam, jihad merangkumi usaha mempertahankan agama, masyarakat dan keadilan (Bonner, 2006; Cook, 2005). Walau bagaimanapun, literatur sedia ada masih jarang menghubungkan sejarah jihad ini dengan kerangka Fiqh al-Watan dan struktur governan.

Dalam bidang museologi, kajian menunjukkan bahawa muzium berfungsi sebagai institusi epistemik yang membentuk makna melalui artifak dan naratif sejarah (Bennett, 1995; Hooper-Greenhill, 2000; Macdonald, 2013; Message, 2018). Dalam konteks pascakolonial, muzium juga berperanan sebagai ruang dekolonisasi naratif dan pemulihan perspektif tempatan (Smith, 2012; Macdonald, 2020). Kajian tentang Muzium Pahang menunjukkan bahawa institusi ini telah beralih daripada model tradisional

kepada pendekatan kuratorial yang menekankan identiti, agama dan pembentukan pemikiran kritis. Namun, hubungan antara fungsi kuratorial ini dengan konsep Fiqh al-Watan dan *siyāsah sulṭāniyyah* masih belum dihuraikan secara menyeluruh.

Dalam konteks institusi ilmu, peranan Institut Ilmu Darul Makmur (IIDM) juga masih kurang dibincangkan dalam literatur akademik, walaupun bahan yang dihasilkan menunjukkan usaha sistematik dalam membangunkan kerangka “watan berperadaban” yang berasaskan sejarah, maqāsid, kesultanan dan nilai Islam. Hal ini menunjukkan bahawa IIDM merupakan institusi penting dalam penghasilan epistemologi negeri, tetapi kedudukannya dalam wacana governan Melayu-Islam masih belum dianalisis secara mendalam.

Secara keseluruhannya, sorotan literatur memperlihatkan beberapa jurang utama. Pertama, literatur tentang *nation-state*, *civilizational state* dan politik Islam masih jarang dihubungkan secara langsung dengan konteks negeri Melayu seperti Pahang. Kedua, kajian tentang *siyāsah sulṭāniyyah* dan Hukum Kanun Pahang masih terpisah daripada perbincangan fiqh al-watan. Ketiga, sejarah jihad di Pahang belum dihuraikan sebagai manifestasi praktikal fiqh al-watan. Keempat, kajian museologi belum mengintegrasikan fungsi kuratorial dengan pembinaan governan berteraskan Islam. Kelima, peranan IIDM sebagai institusi penghasil epistemologi negeri masih belum dikonsepsikan secara sistematik dalam kajian akademik.

Berdasarkan jurang-jurang ini, artikel ini mengemukakan Fiqh al-Watan sebagai kerangka integratif yang menghubungkan *siyāsah sulṭāniyyah*, Hukum Kanun Pahang, aset sejarah, jaringan ulama, pengalaman jihad serta peranan institusi seperti Muzium Pahang dan IIDM dalam satu model governan berteraskan peradaban Islam. Pendekatan ini bukan sahaja mengisi kekosongan dalam literatur sedia ada, tetapi turut mencadangkan satu kerangka teori baharu yang menghubungkan epistemologi, sejarah, institusi dan masyarakat dalam pembinaan governan di Alam Melayu.

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan analisis literatur yang diintegrasikan dengan kerangka epistemologi Islam bagi memahami pemingkaian semula governan di negeri Pahang. Pendekatan ini berasaskan premis bahawa pembentukan makna dalam masyarakat tidak berlaku secara neutral, tetapi dibentuk melalui proses epistemik yang melibatkan pemilihan, penyusunan dan pentafsiran realiti. Dalam konteks ini, konsep pemingkaian digunakan sebagai asas metodologi untuk meneliti bagaimana realiti sosial, sejarah dan politik difahami serta disampaikan kepada masyarakat (Goffman, 1974; Entman, 1993; Chong & Druckman, 2007).

Dalam perkembangan ilmu sosial, pendekatan pemingkaian telah digunakan secara meluas dalam kajian komunikasi politik dan pascakolonial bagi menjelaskan bagaimana sesuatu isu dibentuk, dipersembahkan dan dinilai dalam wacana awam (Snow & Benford, 1988; Entman, 2007). Dalam kajian ini, pendekatan tersebut diaplikasikan untuk meneliti bagaimana konsep governan Melayu-Islam dibingkaikan semula daripada kerangka kolonial dan nation-state kepada kerangka yang berasaskan tradisi peradaban Islam.

Pendekatan metodologi ini diperkukuhkan melalui penggunaan epistemologi Islam sebagai kerangka utama dalam memahami konsep governan. Epistemologi Islam dalam kajian ini berasaskan integrasi antara tiga disiplin utama, iaitu fiqh, usuluddin (kalam) dan tasawuf yang membentuk satu sistem ilmu yang menyeluruh (al-Attas, 1993; Nasr, 2006; Hallaq, 2013). Fiqh berfungsi sebagai kerangka normatif dalam menentukan prinsip hukum dan struktur governan, usuluddin sebagai asas teologi yang menjelaskan konsep autoriti dan legitimasi, manakala tasawuf sebagai dimensi etika yang menekankan nilai amanah, keadilan dan keseimbangan dalam kehidupan bermasyarakat. Integrasi ini mencerminkan konsep kesatuan ilmu dalam tradisi Islam.

Selain itu, kajian ini menggunakan konsep *maqāṣid al-sharīʿah* sebagai lensa analisis dalam menilai fungsi governan. Maqāṣid menekankan bahawa hukum Islam bertujuan menjaga kepentingan asas manusia seperti agama, nyawa, akal, keturunan dan harta, sekaligus menjadikan governan

sebagai instrumen untuk mencapai kesejahteraan masyarakat (Kamali, 2008; Auda, 2008; Chapra, 2008). Dalam konteks ini, *maqāṣid* digunakan untuk menilai sejauh mana konsep Fiqh al-Watan berfungsi sebagai asas kepada pembinaan governan yang berorientasikan masalah.

Dalam kerangka yang lebih spesifik, kajian ini menggunakan konsep *siyāsah sulṭāniyyah* sebagai pendekatan analisis bagi memahami struktur governan dalam tradisi Islam. Konsep ini diuraikan dalam karya sarjana klasik sebagai satu sistem governan yang berteraskan tanggungjawab moral pemerintah dalam menjaga agama dan masyarakat (al-Māwardī, 1996; Ibn Khaldūn, 2005; Lambton, 1981; Crone, 2004). Dalam kajian ini, konsep tersebut digunakan untuk menilai bagaimana struktur governan dalam tradisi Melayu-Islam, khususnya di Pahang, beroperasi dalam kerangka yang berasaskan agama, adat dan autoriti kesultanan.

Seiring dengan itu, Fiqh al-Watan digunakan sebagai kerangka epistemologi kontekstual yang menghubungkan prinsip syariah dengan realiti tempatan. Fiqh al-Watan dalam kajian ini difahami sebagai usaha menzahirkan *maqāṣid al-sharī'ah* dalam konteks negeri Pahang dengan mengambil kira sejarah, adat, institusi kesultanan dan keseimbangan alam. Pendekatan ini berakar daripada konsep 'urf dalam fiqh yang mengiktiraf kepentingan konteks sosial dalam pembentukan hukum (Kamali, 2008), serta *maqāṣid al-sharī'ah* yang menekankan kesejahteraan masyarakat sebagai tujuan utama hukum (Auda, 2008; Dusuki & Bouheraoua, 2011).

Dari sudut kaedah analisis, kajian ini menggunakan pendekatan interpretatif yang menilai teks, artifak dan naratif sejarah sebagai sumber epistemologi yang membentuk kefahaman terhadap governan. Dalam kerangka ini, dokumen seperti Hukum Kanun Pahang dianalisis sebagai teks normatif yang mencerminkan struktur *siyāsah sulṭāniyyah*, manakala aset sejarah seperti manuskrip Jawi, batu nisan dan rekod jihad ditafsir sebagai bukti empirik yang menunjukkan bagaimana prinsip tersebut diaplikasikan dalam realiti masyarakat (Hooker, 2003; Liaw Yock Fang, 2011; Azra, 2004; Reid, 2015).

Kajian ini turut mengaplikasikan pendekatan analisis kuratorial bagi meneliti peranan muzium sebagai institusi epistematik. Dalam kerangka new museology, muzium dilihat sebagai institusi diskursif yang membentuk

makna melalui pemilihan dan penyusunan artifak (Bennett, 1995; Hooper-Greenhill, 2000; Macdonald, 2013; Message, 2019). Oleh itu, analisis terhadap Muzium Pahang dilakukan dengan meneliti bagaimana artifak seperti Hukum Kanun Pahang, batu nisan Islam dan penyusunan timeline kesultanan membingkaikan sejarah dan governan melalui naratif visual dan spatial.

Selain itu, kajian ini turut menggunakan pendekatan pascakolonial bagi menilai semula naratif sejarah yang dipengaruhi oleh wacana kolonial. Pendekatan ini menekankan keperluan untuk mengkritik dominasi epistemik Barat dan mengangkat semula sumber tempatan seperti manuskrip Jawi dan rekod kesultanan sebagai asas kepada pembinaan ilmu (Said, 1978; Alatas, 2006; Smith, 2012).

Dalam konteks institusi, kajian ini memfokuskan kepada dua entiti utama, iaitu Institut Ilmu Darul Makmur (IIDM) dan Muzium Pahang. IIDM dianalisis sebagai institusi epistemik yang menghasilkan kerangka Fiqh al-Watan melalui penyelidikan dan pendidikan, manakala Muzium Pahang dianalisis sebagai institusi kuratorial yang menterjemahkan kerangka tersebut kepada masyarakat melalui naratif sejarah dan artifak. Pendekatan ini membolehkan hubungan antara penghasilan ilmu dan penyebaran makna dianalisis secara menyeluruh dalam pembinaan governan peradaban.

Dalam kerangka teoritikal yang lebih luas, kajian ini turut menggunakan konsep *civilizational state* sebagai pendekatan untuk memahami hubungan antara sejarah, nilai dan struktur negara. Dalam kerangka ini, negara dilihat sebagai kesinambungan peradaban yang mengintegrasikan agama, budaya dan sistem nilai dalam satu struktur governan (Bell, 2015; Mahbubani, 2020). Pendekatan ini diperkukuhkan melalui gagasan IIDM yang menghubungkan fiqh al-watan, konsep '*umrān*' Ibn Khaldūn dan *dawlah ḥadāriyyah* sebagai asas kepada pembinaan negara berteraskan peradaban.

Secara keseluruhannya, metodologi kajian ini membentuk satu pendekatan hibrid yang menggabungkan analisis pemingkaian, epistemologi Islam, analisis sejarah, museologi dan teori kontemporari dalam satu kerangka yang bersepadu. Pendekatan ini membolehkan pemingkaian semula governan difahami bukan sahaja sebagai fenomena teoritikal, tetapi

sebagai proses yang berlaku secara nyata melalui teks, artifak, institusi dan pengalaman masyarakat di negeri Pahang.

Kerangka Konsep

Kerangka konsep kajian ini dibangunkan berasaskan integrasi pelbagai disiplin yang merangkumi tradisi politik Islam, epistemologi fiqh al-watan, teori pembingkaian, pendekatan *civilizational state* serta museologi kontemporari dalam memahami pembingkaian semula governan di negeri Pahang. Pendekatan ini berasaskan kefahaman bahawa governan dalam tradisi Melayu-Islam tidak dapat difahami secara terpisah antara agama, politik, budaya dan sejarah, sebaliknya perlu dilihat sebagai satu sistem peradaban yang bersepadu dan berakar pada nilai tauhid, *maqāṣid al-sharī'ah* dan adab (al-Attas, 1993; Hallaq, 2013; Kamali, 2019).

Dalam kerangka ini, konsep pembingkaian berfungsi sebagai asas epistemik yang menentukan bagaimana sesuatu realiti difahami, disusun dan dimaknai dalam masyarakat. Pembingkaian menjelaskan bahawa makna sosial tidak bersifat neutral, tetapi dibentuk melalui pemilihan naratif, simbol dan struktur pengetahuan yang disampaikan melalui institusi tertentu (Goffman, 1974; Entman, 1993; Entman, 2007). Dalam konteks pascakolonial, pembingkaian turut berperanan sebagai mekanisme untuk membina semula kefahaman terhadap sejarah dan identiti masyarakat daripada dominasi naratif kolonial (Said, 1978; Alatas, 2006; Smith, 2012).

Berteraskan asas epistemik ini, kerangka kajian mengangkat konsep *siyāsah sultāniyyah* sebagai teras kepada pemahaman governan dalam tradisi Islam. Dalam tradisi klasik, *siyāsah sultāniyyah* merujuk kepada sistem governan yang menekankan tanggungjawab pemerintah dalam menjaga agama dan mengurus kemaslahatan dunia (*ḥifẓ al-dīn wa siyāsah al-dunyā*), di mana autoriti politik terikat dengan prinsip keadilan, amanah dan syariah (al-Māwardī, 1996; Ibn Khaldūn, 2005; Lambton, 1981; Crone, 2004; Hallaq, 2013). Dalam konteks Alam Melayu, prinsip ini dimanifestasikan melalui institusi kesultanan Melayu-Islam yang mengintegrasikan agama, adat dan politik dalam satu struktur governan yang bersepadu (Milner, 2016; Andaya & Andaya, 2015).

Hukum Kanun Pahang menjadi manifestasi penting kepada penerapan *siyāsah sultāniyyah* dalam konteks tempatan, di mana undang-undang negeri dibentuk berasaskan fiqh Syafi'i dan adat Melayu sebagai asas legitimasi governan (Ahmad Ibrahim, 2000; Hooker, 2003). Dalam kerangka ini, undang-undang bukan sekadar instrumen pentadbiran, tetapi merupakan manifestasi hubungan antara agama, autoriti dan masyarakat.

Kerangka ini seterusnya diperkukuhkan melalui konsep Fiqh al-Watan sebagai kerangka epistemologi kontekstual yang menghubungkan prinsip universal Islam dengan realiti tempatan. Fiqh al-Watan dalam kajian ini difahami sebagai sistem yang menzahirkan *maqāṣid al-sharī'ah* dalam konteks negeri melalui integrasi antara wahyu, turath dan adat setempat (Kamali, 2008; Auda, 2008; Dusuki & Bouheraoua, 2011).

Secara konseptual, Fiqh al-Watan dalam kajian ini dibangunkan melalui tiga intipati utama. Pertama, pengukuhan institusi kesultanan Melayu-Islam sebagai asas autoriti yang menghubungkan agama dengan governan. Kedua, kebergantungan kepada metodologi turath yang merangkumi fiqh, usuluddin dan tasawuf serta pengiktirafan terhadap *'urf* dan adat budaya Melayu sebagai asas kontekstualisasi hukum (al-Attas, 1993; Nasr, 2006; Kamali, 2008). Ketiga, penekanan terhadap fiqh bi'ah sebagai asas dalam menjaga keseimbangan ekologi melalui konsep khalifah, *mīzān* dan larangan *fasād* (Foltz, 2003; Kamali, 2010). Integrasi ketiga-tiga intipati ini menjadikan Fiqh al-Watan sebagai satu sistem epistemologi governan yang bersifat holistik, merangkumi dimensi autoriti, ilmu, masyarakat dan alam dalam satu kerangka yang bersepadu.

Dalam kerangka yang lebih luas, konsep *'umrān* Ibn Khaldūn digunakan untuk menjelaskan hubungan antara governan dan pembangunan peradaban. *'Umrān* menekankan bahawa kekuatan negara bergantung kepada keadilan, solidariti sosial (*'asabiyyah*) dan kestabilan institusi, yang selari dengan prinsip *siyāsah sultāniyyah* dan Fiqh al-Watan (Ibn Khaldūn, 2005). Pendekatan ini memperlihatkan bahawa governan bukan sekadar struktur politik, tetapi merupakan manifestasi kepada pembangunan peradaban secara keseluruhan.

Kerangka ini turut diperkukuhkan melalui pendekatan *civilizational state* yang melihat negara sebagai kesinambungan sejarah, nilai dan identiti

peradaban. Berbeza dengan model nation-state yang berasaskan sempadan politik moden, *civilizational state* menekankan kesinambungan budaya, agama dan misi sejarah dalam pembinaan negara (Bell, 2015; Mahbubani, 2020). Dalam konteks Islam, pendekatan ini selari dengan konsep *dawlah ḥadāriyyah* yang menampilkan negara sebagai wadah nilai yang menzahirkan *maqāṣid al-sharī'ah* dalam kehidupan masyarakat (Bin Bayyah, 2017; Bin Bayyah, 2018).

Dalam konteks negeri Pahang, pendekatan ini diperkukuhkan melalui peranan Institut Ilmu Darul Makmur (IIDM) yang menggabungkan fiqh al-watan, konsep *'umrān* dan gagasan negara berperadaban sebagai asas kepada pembangunan negeri. IIDM berfungsi sebagai institusi epistemik yang membangunkan kerangka teori dan dasar, manakala Muzium Pahang berfungsi sebagai institusi kuratorial yang menterjemahkan kerangka tersebut kepada masyarakat melalui naratif sejarah dan artifak.

Dalam kerangka museologi, muzium dilihat sebagai institusi diskursif yang membentuk makna dan kesedaran sosial melalui pemilihan dan penyusunan artifak (Bennett, 1995; Hooper-Greenhill, 2000; Macdonald, 2013; Message, 2019). Dalam konteks ini, artifak seperti Hukum Kanun Pahang, batu nisan Islam, manuskrip fiqh dan timeline kesultanan berfungsi sebagai medium epistemik yang membingkaikan sejarah dan governan dalam bentuk yang dapat difahami oleh masyarakat.

Pendekatan pascakolonial turut menjadi komponen penting dalam kerangka ini dengan menekankan keperluan untuk menilai semula naratif sejarah yang dibentuk oleh wacana kolonial. Dominasi epistemik Barat telah menyebabkan sejarah masyarakat Melayu-Islam sering ditafsir melalui perspektif luar yang tidak mengambil kira kerangka nilai tempatan (Said, 1978; Alatas, 2006; Smith, 2012). Oleh itu, penggunaan sumber tempatan seperti Hukum Kanun Pahang, manuskrip Jawi dan rekod sejarah tempatan menjadi asas kepada pembinaan semula kefahaman governan berteraskan peradaban.

Secara keseluruhannya, kerangka teoritikal ini membentuk satu model integratif yang menghubungkan pementakan sebagai mekanisme epistemik, *siyāsah sultāniyyah* sebagai asas autoriti, Fiqh al-Watan sebagai kerangka kontekstual, *civilizational state* sebagai perspektif makro, serta

muzium dan IIDM sebagai medium penghasilan dan penyebaran makna. Model ini memperlihatkan bahawa governan di negeri Pahang merupakan manifestasi kepada sistem peradaban Melayu-Islam yang berakar pada tradisi, tetapi relevan dalam konteks kontemporari.

***Siyāsah Sultāniyyah* sebagai Teras Governan Negeri Pahang**

Struktur governan negeri Pahang memperlihatkan bahawa konsep *siyāsah sultāniyyah* berfungsi sebagai asas utama dalam pembentukan autoriti politik, perundangan dan sosial yang berteraskan Islam. Dalam tradisi politik Islam, *siyāsah sultāniyyah* merujuk kepada tanggungjawab pemerintah dalam mengurus urusan dunia berlandaskan prinsip menjaga agama dan memastikan kesejahteraan masyarakat (*hifẓ al-dīn wa siyāsah al-dunyā*), di mana kuasa tidak bersifat mutlak tetapi terikat dengan hukum syariah, keadilan dan amanah (al-Māwardī, 1996; Ibn Khaldūn, 2005; Lambton, 1981; Hallaq, 2013). Prinsip ini menegaskan bahawa legitimasi politik tidak hanya berpunca daripada kekuasaan, tetapi daripada keupayaan pemerintah menzahirkan nilai-nilai agama dalam pentadbiran dan kehidupan masyarakat.

Dalam konteks Alam Melayu, khususnya di negeri Pahang, konsep ini diterjemahkan melalui institusi kesultanan Melayu-Islam yang mengintegrasikan agama, adat dan politik dalam satu struktur governan yang bersepadu. Kesultanan tidak hanya berfungsi sebagai simbol kedaulatan, tetapi juga sebagai institusi yang memikul tanggungjawab menjaga agama, menegakkan keadilan dan memastikan kestabilan sosial (Milner, 2016; Andaya & Andaya, 2015). Kedudukan ini selari dengan tradisi Islam yang melihat pemerintah sebagai penjaga agama dan pelindung masyarakat, di mana hubungan antara rakyat dan pemerintah dibina atas asas amanah dan tanggungjawab moral (Kamali, 2019).

Manifestasi paling jelas kepada konsep *siyāsah sultāniyyah* dalam konteks Pahang dapat dilihat melalui kewujudan Hukum Kanun Pahang yang berfungsi sebagai asas normatif governan negeri. HKP memperlihatkan bagaimana prinsip fiqh Syafi'i diintegrasikan dengan adat Melayu dalam membentuk satu sistem undang-undang yang tersusun dan berfungsi dalam masyarakat. Kandungan HKP merangkumi aspek jenayah, muamalat, kekeluargaan dan pentadbiran, yang menunjukkan bahawa

undang-undang negeri telah lama beroperasi dalam kerangka syariah yang menyeluruh (Ahmad Ibrahim, 2000; Hooker, 2003; Liaw Yock Fang, 2011).

Dalam kerangka ini, HKP bukan sekadar dokumen undang-undang, tetapi merupakan manifestasi hubungan antara autoriti sultan, hukum Islam dan kehidupan masyarakat. Ia memperlihatkan bahawa Kesultanan Melayu Pahang berfungsi sebagai institusi *siyāsah* yang melaksanakan hukum secara kontekstual, dengan mengambil kira adat dan realiti tempatan. Hal ini selari dengan pendekatan *fiqh* yang mengiktiraf kepentingan ‘urf dalam pembentukan hukum, sekaligus menjadikan sistem governan bersifat dinamik dan relevan dengan masyarakat (Kamali, 2008; Hallaq, 2009).

Kedudukan HKP sebagai *law of the land* dalam tradisi Melayu-Islam menunjukkan bahawa undang-undang negeri tidak dibentuk secara *ad hoc*, tetapi berasaskan satu sistem hukum yang berautoriti dan berakar pada tradisi keilmuan Islam (Ahmad Ibrahim, 2000). Struktur ini memperlihatkan bahawa governan di Pahang telah lama mempunyai asas normatif yang kukuh, di mana hubungan antara hukum, autoriti dan masyarakat terbina secara sistematik.

Selain itu, konsep *siyāsah sultāniyyah* dalam konteks Pahang turut memperlihatkan hubungan yang erat antara autoriti politik dan tradisi keilmuan Islam. Jaringan ulama dan pengaruh pusat-pusat keilmuan seperti Aceh dan Haramayn telah memainkan peranan penting dalam membentuk struktur pemikiran masyarakat Melayu-Islam, sekaligus menyokong pelaksanaan hukum dan pemerintahan yang berteraskan agama (Azra, 2004; Laffan, 2011). Tradisi ini menunjukkan bahawa autoriti kesultanan tidak berdiri secara terpisah, tetapi disokong oleh autoriti ilmu yang membentuk asas legitimasi sosial dan keagamaan.

Dalam masa yang sama, konsep *siyāsah sultāniyyah* di Pahang memperlihatkan keseimbangan antara autoriti dan tanggungjawab sosial. Pemerintah berperanan dalam memastikan keadilan dan kesejahteraan masyarakat, manakala rakyat berfungsi sebagai sebahagian daripada struktur sosial yang menyokong kestabilan negeri. Hubungan ini mencerminkan konsep ‘umrān Ibn Khaldūn yang menekankan bahawa

kekuatan negara bergantung kepada keadilan, solidariti sosial ('*asabiyyah*) dan kestabilan institusi (Ibn Khaldūn, 2005).

Keseluruhan struktur ini menunjukkan bahawa *siyāsah sultāniyyah* dalam konteks negeri Pahang bukan sekadar konsep teoritikal, tetapi merupakan asas hidup kepada pembentukan governan yang berteraskan peradaban Melayu-Islam. Melalui institusi kesultanan, pelaksanaan HKP dan sokongan tradisi keilmuan, governan negeri dibentuk sebagai satu sistem yang menghubungkan antara agama, hukum dan masyarakat dalam satu kerangka yang bersepadu dan berterusan sepanjang sejarah.

Fiqh al-Watan sebagai Sistem Epistemologi Governan

Pembentukan governan di negeri Pahang tidak hanya bergantung kepada struktur autoriti politik yang dizahirkan melalui institusi kesultanan dan pelaksanaan Hukum Kanun Pahang, tetapi turut berakar pada satu sistem epistemologi yang menghubungkan antara prinsip syariah dengan realiti tempatan. Dalam konteks ini, Fiqh al-Watan muncul sebagai kerangka yang menzahirkan hubungan tersebut dengan menempatkan tanah air sebagai ruang pelaksanaan hukum, nilai dan tanggungjawab sosial yang berteraskan Islam.

Fiqh al-Watan memperlihatkan bahawa hukum Islam tidak beroperasi dalam bentuk yang statik, tetapi berkembang melalui interaksi antara wahyu, tradisi keilmuan dan konteks masyarakat. Dalam tradisi fiqh, pendekatan ini telah lama diiktiraf melalui konsep '*urf*' yang membolehkan adat tempatan diintegrasikan dalam kerangka syariah, sekaligus menjadikan hukum bersifat kontekstual dan relevan dengan kehidupan masyarakat (Kamali, 2008; Hallaq, 2009). Dalam konteks negeri Pahang, pendekatan ini membentuk satu sistem governan yang tidak memisahkan agama, budaya dan struktur sosial, tetapi menggabungkannya dalam satu kerangka yang bersepadu.

Fiqh al-Watan dalam kajian ini beroperasi melalui tiga intipati utama yang membentuk asas kepada sistem governan berteraskan peradaban. Intipati pertama ialah pengukuhan institusi kesultanan Melayu-Islam sebagai asas autoriti. Dalam kerangka ini, kesultanan tidak hanya berfungsi sebagai struktur politik, tetapi sebagai institusi yang menghubungkan hukum,

masyarakat dan nilai dalam satu sistem governan yang bersepadu. Kedudukan ini selari dengan prinsip *siyāsah sultāniyyah* yang menegaskan bahawa autoriti pemerintah berfungsi dalam kerangka tanggungjawab agama dan kemaslahatan masyarakat (al-Māwardī, 1996; Kamali, 2019).

Intipati kedua ialah kebergantungan kepada metodologi turath Islam yang merangkumi fiqh, usuluddin dan tasawuf sebagai asas pembentukan worldview masyarakat. Tradisi keilmuan Islam menunjukkan bahawa ketiga-tiga disiplin ini membentuk satu sistem ilmu yang menyeluruh dalam memahami realiti dan membimbing tindakan manusia (al-Attas, 1993; Nasr, 2006). Dalam konteks Alam Melayu, pendekatan ini telah diterjemahkan melalui karya ulama seperti Nuruddin al-Raniri yang menggabungkan dimensi hukum, akidah dan spiritual dalam pembinaan masyarakat Islam (Azra, 2004). Tradisi ini memperlihatkan bahawa governan tidak hanya terbina melalui undang-undang, tetapi turut diperkukuhkan melalui pembentukan nilai dan pemikiran masyarakat.

Intipati ketiga ialah penekanan terhadap *fiqh bi'ah* yang menzahirkan hubungan antara manusia dan alam dalam kerangka governan. Dalam tradisi Islam, konsep khalifah menegaskan bahawa manusia memikul tanggungjawab menjaga keseimbangan alam, manakala konsep *mīzān* menekankan kepentingan keseimbangan dan keadilan dalam hubungan antara manusia dan persekitaran (Foltz, 2003; Kamali, 2010). Dalam konteks masyarakat Pahang yang berasaskan sistem sungai; muara dan pesisir, hubungan ini dapat dilihat melalui cara hidup yang mengekalkan keseimbangan antara penggunaan sumber dan kelestarian alam. Struktur ini menunjukkan bahawa governan Melayu-Islam tidak hanya melibatkan manusia, tetapi turut merangkumi tanggungjawab terhadap alam sebagai sebahagian daripada sistem peradaban.

Ketiga-tiga intipati ini membentuk satu sistem epistemologi yang menghubungkan antara autoriti, ilmu dan alam dalam pembinaan governan. Dalam kerangka ini, Fiqh al-Watan tidak sekadar berfungsi sebagai konsep hukum, tetapi sebagai asas pemikiran yang membimbing pembentukan dasar, struktur sosial dan identiti masyarakat. Ia menghubungkan prinsip universal Islam dengan realiti tempatan melalui pendekatan yang bersifat dinamik dan kontekstual.

Dalam konteks kontemporari, Fiqh al-Watan memperlihatkan keupayaan untuk berfungsi sebagai asas kepada pembinaan negeri berteraskan peradaban. Pendekatan ini membolehkan negeri difahami bukan hanya sebagai unit pentadbiran moden, tetapi sebagai ruang yang menzahirkan nilai sejarah, budaya dan agama dalam satu sistem governan yang bersepadu. Dalam konteks ini, Fiqh al-Watan berfungsi sebagai jambatan antara tradisi dan modeniti, di mana warisan sejarah dan prinsip syariah diterjemahkan dalam bentuk yang relevan dengan keperluan semasa.

Keseluruhannya, Fiqh al-Watan dalam konteks negeri Pahang memperlihatkan bahawa governan Melayu-Islam terbina melalui integrasi antara kesultanan sebagai autoriti, turath sebagai asas epistemologi dan *fiqh bi'ah* sebagai asas keseimbangan kehidupan. Struktur ini menjadikan governan sebagai satu sistem peradaban yang menyeluruh, di mana hukum, masyarakat dan alam berfungsi dalam satu kerangka yang bersepadu dan berterusan.

Peranan Institut Ilmu Darul Makmur (IIDM) dalam Pembingkai Semula Governan Berteraskan Peradaban

Perkembangan kontemporari di negeri Pahang memperlihatkan kemunculan Institut Ilmu Darul Makmur (IIDM) sebagai institusi yang memainkan peranan penting dalam menginstitusikan semula kerangka governan Melayu-Islam melalui pendekatan fiqh al-watan. Dalam konteks ini, IIDM tidak berfungsi sekadar sebagai pusat penyelidikan, tetapi sebagai institusi epistemik yang menghubungkan antara tradisi keilmuan Islam, sejarah kesultanan dan pembinaan dasar negeri dalam satu kerangka yang bersepadu.

Peranan ini dapat difahami melalui kesinambungan tradisi ulama dalam masyarakat Melayu-Islam, di mana institusi ilmu berfungsi sebagai asas kepada pembentukan struktur sosial dan politik. Dalam sejarah Islam, hubungan antara ulama dan pemerintah memainkan peranan penting dalam memastikan bahawa governan beroperasi dalam kerangka syariah dan nilai moral (Hallaq, 2013; Kamali, 2019). Dalam konteks Alam Melayu, jaringan ulama yang berkembang melalui hubungan dengan pusat keilmuan seperti Aceh dan Haramayn telah membentuk struktur pemikiran masyarakat yang berteraskan fiqh, akidah dan tasawuf (Azra, 2004;

Laffan, 2011). IIDM memperlihatkan kesinambungan kepada tradisi ini dengan berfungsi sebagai pusat yang membangunkan wacana keilmuan dalam konteks negeri Pahang.

Melalui pendekatan fiqh al-watan, IIDM menzahirkan satu kerangka yang menghubungkan antara prinsip universal Islam dengan realiti tempatan. Pendekatan ini menekankan bahawa pembinaan negeri perlu berakar pada sejarah kesultanan Melayu-Islam, metodologi turath dan keseimbangan antara manusia dan alam. Dalam kerangka ini, Fiqh al-Watan tidak hanya difahami sebagai konsep hukum, tetapi sebagai asas epistemologi yang membimbing pembentukan dasar, pembangunan masyarakat dan orientasi governan negeri.

Gagasan yang diketengahkan oleh IIDM turut memperlihatkan kecenderungan ke arah pembinaan negeri berteraskan peradaban melalui pendekatan *civilizational state*. Pendekatan ini menekankan bahawa negeri perlu dibina atas kesinambungan sejarah, nilai dan identiti yang sahih, bukan sekadar berasaskan struktur politik moden yang terpisah daripada tradisi (Bell, 2015; Mahbubani, 2020). Dalam konteks ini, Fiqh al-Watan berfungsi sebagai asas yang menghubungkan antara *siyāsah sultāniyyah*, tradisi keilmuan dan pembangunan negeri dalam satu kerangka yang bersepadu.

Bahan-bahan yang dibangunkan dalam wacana IIDM memperlihatkan bahawa konsep *civilizational state* diterjemahkan melalui integrasi antara fiqh al-watan, konsep *‘umrān* Ibn Khaldūn dan gagasan dawlah ḥadāriyyah. Pendekatan ini menegaskan bahawa pembangunan negeri tidak boleh dipisahkan daripada pembinaan masyarakat yang berilmu, beradab dan berakar pada nilai agama. Dalam kerangka ini, governan dilihat sebagai manifestasi kepada pembangunan peradaban yang menyeluruh, merangkumi dimensi hukum, sosial, budaya dan alam sekitar .

Selain itu, IIDM turut berperanan dalam membentuk wacana awam yang mengangkat semula kefahaman terhadap sejarah dan identiti negeri Pahang. Melalui penyelidikan dan penerbitan, institusi ini menonjolkan semula kepentingan sumber tempatan seperti Hukum Kanun Pahang, manuskrip Jawi dan sejarah kesultanan sebagai asas kepada pembinaan

kefahaman terhadap governan. Pendekatan ini selari dengan usaha dekolonisasi ilmu yang menekankan keperluan untuk mengangkat semula sumber tempatan sebagai asas epistemologi dalam memahami sejarah dan masyarakat (Said, 1978; Alatas, 2006; Smith, 2012).

Peranan IIDM dalam konteks ini memperlihatkan bahawa pemingkaian semula governan tidak hanya berlaku melalui institusi politik atau pentadbiran, tetapi melalui penghasilan ilmu yang membentuk cara masyarakat memahami diri dan sejarah mereka. Dengan mengangkat Fiqh al-Watan sebagai kerangka utama, IIDM membentuk satu asas pemikiran yang menghubungkan kesultanan, hukum, tradisi keilmuan dan kehidupan masyarakat dalam satu sistem yang bersepadu.

Keseluruhannya, IIDM memperlihatkan peranan sebagai institusi yang menghidupkan semula tradisi epistemologi Melayu-Islam dalam konteks kontemporari, di mana governan dibina atas asas ilmu, sejarah dan nilai peradaban. Dalam kerangka ini, Fiqh al-Watan berfungsi sebagai asas yang menghubungkan warisan dengan masa depan, sekaligus menjadikan pembinaan negeri sebagai proses yang berakar pada identiti dan berorientasikan kemaslahatan masyarakat.

Muzium Pahang sebagai Institusi Kuratorial dalam Pemingkaian Governan Berteraskan Peradaban

Peranan Muzium Pahang dalam konteks pemingkaian semula governan memperlihatkan bahawa institusi warisan tidak lagi berfungsi sebagai ruang penyimpanan artifak semata-mata, tetapi sebagai medium yang membentuk kefahaman masyarakat terhadap sejarah, autoriti dan identiti peradaban. Dalam kerangka museologi kontemporari, muzium dilihat sebagai institusi diskursif yang berperanan dalam menghasilkan makna melalui pemilihan, penyusunan dan pentafsiran artifak serta naratif yang dipersembahkan kepada masyarakat (Bennett, 1995; Hooper-Greenhill, 2000; Macdonald, 2013; Message, 2019).

Dalam konteks negeri Pahang, pendekatan kuratorial yang dibangunkan memperlihatkan usaha yang jelas dalam membingkaikan semula sejarah dan governan Melayu-Islam melalui pemilihan artifak yang mencerminkan kesinambungan antara kesultanan, hukum dan masyarakat.

Artifak seperti Hukum Kanun Pahang dipersembahkan sebagai simbol kepada sistem perundangan Islam yang berteraskan *siyāṣah sulṭāniyyah*, sekali gus menzahirkan hubungan antara autoriti sultan dengan pelaksanaan hukum dalam masyarakat (Ahmad Ibrahim, 2000; Hooker, 2003). Penyusunan ini membolehkan pengunjung memahami bahawa governan Melayu-Islam mempunyai asas normatif yang tersusun dan berakar pada tradisi *fiqh*.

Selain itu, batu nisan Islam yang dipamerkan dalam galeri memperlihatkan kesinambungan identiti agama dalam masyarakat Melayu Pahang. Batu nisan bukan sekadar artifak arkeologi, tetapi menjadi bukti kepada proses Islamisasi yang membentuk struktur sosial dan budaya masyarakat. Melalui elemen ini, muzium menzahirkan bahawa identiti Islam bukan fenomena baharu, tetapi telah menjadi asas kepada pembentukan masyarakat Melayu sejak berabad-abad lamanya (Andaya & Andaya, 2015; Reid, 2015).

Manuskrip Jawi dan karya *fiqh* yang dipamerkan turut memainkan peranan penting dalam memperlihatkan tradisi keilmuan Islam yang menyokong struktur governan. Karya ulama seperti Nuruddin al-Raniri mencerminkan integrasi antara *fiqh*, akidah dan tasawuf dalam pembinaan masyarakat, sekali gus menunjukkan bahawa governan Melayu-Islam tidak hanya berasaskan kuasa politik, tetapi turut disokong oleh autoriti ilmu (Azra, 2004). Melalui pameran ini, muzium membentuk kefahaman bahawa ilmu merupakan asas kepada pembinaan peradaban dan kestabilan sosial.

Penyusunan garis masa kesultanan dalam galeri turut memainkan peranan penting dalam membingkai kesinambungan governan Melayu-Islam. Garis masa ini menghubungkan sejarah kesultanan Pahang dengan perkembangan sosial dan politik negeri, sekaligus membina kesedaran tentang kesinambungan autoriti dan identiti negeri dari masa lalu hingga ke masa kini. Pendekatan visual ini membolehkan pengunjung memahami bahawa governan bukan fenomena terpisah, tetapi merupakan kesinambungan sejarah yang berterusan.

Selain itu, artifak kehidupan harian seperti peralatan air dan elemen budaya sungai memperlihatkan dimensi *fiqh bi'ah* dalam kehidupan masyarakat Melayu Pahang. Kehidupan yang berasaskan sistem sungai;

muara dan pesisir mencerminkan hubungan yang seimbang antara manusia dan alam, selari dengan konsep khalifah dan *mīzān* dalam Islam (Foltz, 2003; Kamali, 2010). Melalui pameran ini, muzium menzahirkan bahawa keseimbangan ekologi merupakan sebahagian daripada struktur governan peradaban, bukan sekadar aspek budaya atau ekonomi.

Naratif yang dipersembahkan dalam muzium turut mengangkat dimensi sejarah perjuangan dan jihad sebagai sebahagian daripada pembentukan governan Melayu-Islam. Tokoh-tokoh seperti Dato' Bahaman dan Mat Kilau dipaparkan sebagai simbol kepada ketahanan peradaban dalam mempertahankan kedaulatan negeri daripada penjajahan. Dalam konteks ini, jihad tidak hanya difahami sebagai konflik bersenjata, tetapi sebagai usaha mempertahankan agama, maruah dan struktur sosial masyarakat (Andaya & Andaya, 2015; Bonner, 2006; Cook, 2005). Penyusunan naratif ini memperlihatkan bahawa governan Melayu-Islam turut dibentuk melalui pengalaman sejarah yang mencerminkan nilai keberanian dan tanggungjawab kolektif.

Keseluruhan pendekatan kuratorial ini menunjukkan bahawa Muzium Pahang berfungsi sebagai ruang yang menghubungkan antara sejarah, artifak dan pembentukan kesedaran masyarakat. Artifak tidak dipersembahkan sebagai objek pasif, tetapi sebagai medium epistemik yang membawa naratif tertentu dan membentuk kefahaman terhadap governan, identiti dan peradaban. Pendekatan ini selari dengan perkembangan new museology yang melihat muzium sebagai institusi yang terlibat secara aktif dalam pembinaan makna dan identiti sosial (Hooper-Greenhill, 2000; Message, 2019).

Dalam kerangka ini, Muzium Pahang memperlihatkan fungsi sebagai institusi kuratorial yang menterjemahkan konsep Fiqh al-Watan dan *siyāsah sulṭāniyyah* dalam bentuk yang dapat dihayati oleh masyarakat. Melalui pemilihan artifak, penyusunan naratif dan pengalaman visual yang ditawarkan, muzium membentuk satu kefahaman yang menghubungkan sejarah, hukum dan kehidupan masyarakat dalam satu kerangka peradaban yang bersepadu.

Sejarah Jihad dan Ketahanan Peradaban Melayu-Islam di Pahang

Sejarah negeri Pahang memperlihatkan bahawa pembentukan governan Melayu-Islam tidak hanya bergantung kepada institusi kesultanan dan struktur hukum, tetapi turut diperkukuhkan melalui pengalaman sejarah yang mencerminkan ketahanan peradaban dalam menghadapi cabaran luar. Dalam konteks ini, dimensi jihad memainkan peranan penting sebagai manifestasi kepada tanggungjawab mempertahankan agama, kedaulatan dan struktur sosial masyarakat.

Perjuangan tokoh seperti Dato' Bahaman dan Mat Kilau dalam menentang penjajahan British memperlihatkan bahawa penentangan tersebut bukan sekadar konflik politik atau perebutan kuasa, tetapi merupakan usaha mempertahankan sistem kehidupan yang berteraskan agama dan adat Melayu. Penjajahan kolonial membawa bersama perubahan struktur ekonomi, pentadbiran dan epistemologi yang berpotensi menghakis asas governan Melayu-Islam, sekaligus mencetuskan reaksi dalam bentuk penentangan yang berakar pada kesedaran agama dan identiti (Andaya & Andaya, 2015; Reid, 2015).

Dalam kerangka ini, jihad dapat difahami sebagai satu bentuk ketahanan peradaban yang menzahirkan hubungan antara agama, masyarakat dan governan. Ia memperlihatkan bahawa masyarakat Melayu-Islam di Pahang tidak hanya menerima struktur governan secara pasif, tetapi juga berperanan aktif dalam mempertahankan nilai dan sistem yang menjadi asas kepada kehidupan mereka. Pendekatan ini selari dengan kefahaman jihad dalam tradisi Islam yang menekankan usaha mempertahankan keadilan, agama dan kemaslahatan masyarakat dalam pelbagai bentuk, termasuk pertahanan terhadap pencerobohan dan penindasan (Bonner, 2006; Cook, 2005).

Pengalaman sejarah ini turut memperlihatkan bahawa governan Melayu-Islam mempunyai dimensi moral yang kukuh, di mana legitimasi bukan sahaja bergantung kepada autoriti politik, tetapi juga kepada keupayaan sistem tersebut mempertahankan nilai dan identiti masyarakat. Dalam konteks ini, perjuangan menentang penjajahan menjadi sebahagian daripada naratif governan yang menunjukkan kesinambungan antara sejarah, agama dan tanggungjawab sosial.

Naratif jihad yang dipersembahkan dalam Muzium Pahang mengukuhkan lagi kefahaman ini dengan membingkaikan perjuangan tersebut sebagai sebahagian daripada sejarah peradaban negeri. Melalui penyusunan artifak, dokumen dan kisah tokoh-tokoh perjuangan, muzium menzahirkan bahawa ketahanan peradaban merupakan elemen penting dalam pembentukan governan Melayu-Islam. Pendekatan ini membolehkan masyarakat melihat bahawa sejarah perjuangan bukan sekadar peristiwa masa lalu, tetapi merupakan sebahagian daripada identiti dan asas kepada pembinaan masa depan.

Keseluruhannya, dimensi jihad dalam sejarah Pahang memperlihatkan bahawa governan Melayu-Islam terbina melalui gabungan antara institusi, hukum dan pengalaman sejarah yang mencerminkan ketahanan peradaban. Ia menunjukkan bahawa pemingkaian governan tidak hanya berlaku melalui teks dan institusi, tetapi turut dibentuk melalui pengalaman kolektif masyarakat dalam mempertahankan nilai dan identiti mereka.

Model Governan Peradaban Pahang Berteraskan Fiqh al-Watan

Keseluruhan dapatan yang diperoleh memperlihatkan bahawa governan di negeri Pahang terbentuk melalui integrasi antara pelbagai elemen yang saling melengkapi dalam satu kerangka peradaban yang bersepadu. Struktur ini menghubungkan *siyāsah sulṭāniyyah* sebagai asas autoriti, Hukum Kanun Pahang sebagai manifestasi normatif, Fiqh al-Watan sebagai kerangka epistemologi, IIDM sebagai institusi penghasilan ilmu, dan Muzium Pahang sebagai medium pemingkaian makna kepada masyarakat.

Dalam kerangka ini, *siyāsah sulṭāniyyah* menyediakan asas kepada legitimasi governan dengan menempatkan kesultanan sebagai institusi yang menghubungkan agama dengan pentadbiran. HKP pula berfungsi sebagai bentuk konkrit kepada pelaksanaan prinsip tersebut dalam struktur undang-undang negeri. Kedua-dua elemen ini membentuk asas kepada struktur autoriti yang berteraskan syariah dan adat Melayu.

Fiqh al-Watan memperluaskan kerangka ini dengan menghubungkan prinsip universal Islam dengan realiti tempatan melalui integrasi antara turath, ‘urf dan fiqh bi’ah. Pendekatan ini menjadikan governan sebagai

satu sistem yang merangkumi dimensi hukum, sosial dan ekologi dalam satu kerangka yang menyeluruh. Dalam konteks ini, negeri tidak hanya berfungsi sebagai entiti politik, tetapi juga sebagai ruang pelaksanaan nilai dan tanggungjawab peradaban.

Peranan IIDM dan Muzium Pahang melengkapi struktur ini dengan menghubungkan penghasilan ilmu dan pembentukan kesedaran masyarakat. IIDM membangunkan kerangka intelektual yang mengangkat Fiqh al-Watan sebagai asas kepada pembinaan negeri, manakala Muzium Pahang menerjemahkan kerangka tersebut dalam bentuk naratif dan pengalaman yang dapat difahami oleh masyarakat. Hubungan ini membentuk satu ekosistem epistemik yang menghubungkan teori, sejarah dan pengalaman sosial.

Dimensi jihad yang wujud dalam sejarah Pahang turut memperkukuhkan model ini dengan menunjukkan bahawa governan Melayu-Islam mempunyai asas ketahanan peradaban yang terbina melalui pengalaman sejarah. Ia memperlihatkan bahawa legitimasi governan tidak hanya bergantung kepada struktur institusi, tetapi juga kepada keupayaan masyarakat mempertahankan nilai dan identiti mereka dalam menghadapi cabaran luar.

Keseluruhan integrasi ini memperlihatkan bahawa negeri Pahang dapat difahami sebagai sebuah entiti yang beroperasi dalam kerangka civilizational state, di mana kesinambungan sejarah, nilai dan identiti menjadi asas kepada pembinaan governan (Bell, 2015; Mahbubani, 2020). Dalam konteks ini, Fiqh al-Watan berfungsi sebagai asas epistemologi yang menghubungkan warisan dengan keperluan semasa, sekaligus membolehkan pembinaan negeri yang berakar pada tradisi tetapi relevan dengan konteks kontemporari.

Model governan yang terbentuk melalui integrasi ini menunjukkan bahawa pembangkitan semula governan di negeri Pahang bukan sekadar usaha teoritikal, tetapi merupakan proses yang melibatkan pengaktifan semula sejarah, peneguhan institusi dan pembinaan kesedaran masyarakat. Struktur ini memperlihatkan bahawa governan Melayu-Islam dapat difahami sebagai satu sistem peradaban yang menyatukan hukum, autoriti,

ilmu, masyarakat dan alam dalam satu kerangka yang bersepadu dan berterusan.

Kesimpulan

Pembingkaian semula governan di negeri Pahang memperlihatkan bahawa sistem governan Melayu-Islam terbina di atas asas yang berakar dalam tradisi peradaban, bukan sekadar hasil pembentukan struktur politik moden. Keseluruhan perbincangan menunjukkan bahawa konsep *siyāsah sultāniyyah* berfungsi sebagai teras kepada pembentukan autoriti, di mana kesultanan Melayu-Islam memainkan peranan sebagai institusi yang menghubungkan agama, hukum dan masyarakat dalam satu sistem governan yang bersepadu (al-Māwardī, 1996; Ibn Khaldūn, 2005; Hallaq, 2013).

Kedudukan Hukum Kanun Pahang dalam struktur ini memperlihatkan bahawa governan negeri telah lama beroperasi dalam kerangka hukum Islam yang tersusun dan berautoriti. HKP menghubungkan antara fiqh Syafi'i, adat Melayu dan institusi kesultanan dalam satu sistem normatif yang mencerminkan keseimbangan antara prinsip universal Islam dengan realiti tempatan (Ahmad Ibrahim, 2000; Hooker, 2003). Melalui struktur ini, governan tidak hanya difahami sebagai pentadbiran, tetapi sebagai manifestasi hubungan antara hukum, autoriti dan kehidupan masyarakat.

Fiqh al-Watan memperluaskan kefahaman tersebut dengan menempatkan tanah air sebagai ruang pelaksanaan syariah yang merangkumi tanggungjawab terhadap agama, masyarakat dan alam. Melalui integrasi antara kesultanan sebagai autoriti, turath sebagai asas epistemologi dan *fiqh bi'ah* sebagai asas keseimbangan kehidupan, Fiqh al-Watan membentuk satu kerangka governan yang bersifat holistik dan bersepadu (Kamali, 2008; Auda, 2008; Foltz, 2003). Dalam konteks ini, governan Melayu-Islam di Pahang memperlihatkan hubungan yang erat antara nilai, struktur sosial dan keseimbangan alam sebagai asas kepada pembentukan peradaban.

Peranan Institut Ilmu Darul Makmur (IIDM) dan Muzium Pahang memperlihatkan bahawa pembingkaian semula governan dapat dilaksanakan melalui integrasi antara institusi epistemik dan institusi

kuratorial. IIDM membangunkan kerangka intelektual yang mengangkat Fiqh al-Watan sebagai asas kepada pembinaan negeri, manakala Muzium Pahang menterjemahkan kerangka tersebut melalui artifak, naratif sejarah dan pengalaman visual yang membentuk kefahaman masyarakat terhadap identiti dan autoriti. Hubungan ini menunjukkan bahawa governan tidak hanya terbentuk melalui dasar dan pentadbiran, tetapi melalui proses pembentukan kesedaran yang berlaku dalam ruang budaya dan pendidikan (Bennett, 1995; Hooper-Greenhill, 2000).

Sejarah jihad dan penentangan terhadap penjajahan dalam konteks Pahang turut memperkukuhkan kefahaman bahawa governan Melayu-Islam mempunyai dimensi ketahanan peradaban yang signifikan. Perjuangan tokoh-tokoh tempatan memperlihatkan bahawa mempertahankan negeri merupakan sebahagian daripada tanggungjawab agama dan sosial, sekali gus menunjukkan bahawa legitimasi governan turut dibina melalui pengalaman sejarah dan kesedaran kolektif masyarakat (Andaya & Andaya, 2015; Bonner, 2006).

Keseluruhan dapatan ini memperlihatkan bahawa negeri Pahang dapat difahami sebagai sebuah entiti yang beroperasi dalam kerangka peradaban yang berteraskan nilai, sejarah dan identiti, selari dengan pendekatan *civilizational state* yang menekankan kesinambungan antara masa lalu dan masa kini dalam pembinaan negeri (Bell, 2015; Mahbubani, 2020). Dalam kerangka ini, Fiqh al-Watan berfungsi sebagai asas epistemologi yang menghubungkan *siyāsah sultāniyyah*, hukum, tradisi keilmuan dan institusi kontemporari dalam membentuk governan yang bersepadu dan berdaya tahan.

Pembingkai semula governan di negeri Pahang memperlihatkan bahawa tradisi Melayu-Islam mempunyai keupayaan untuk terus berfungsi sebagai asas kepada pembinaan negeri dalam konteks semasa. Melalui pengaktifan semula warisan sejarah, peneguhan institusi dan penghasilan wacana ilmu, governan dapat dibentuk sebagai satu sistem peradaban yang menghubungkan antara hukum, autoriti, masyarakat dan alam dalam satu kerangka yang bersepadu dan berterusan.

Rujukan

- Abdul Monir Yaacob. (2000). Undang-undang Islam di Malaysia. IKIM.
- Ahmad Farid Abd Jalal, Rahimin Affandi Abdul Rahim, & Awang Azman Awang Pawi. (2022). Manuskrip Hukum Kanun Pahang: Antara kepentingan dan kritikan sarjana kolonial. *Jurnal Melayu Sedunia*, 5(1), 89–99.
- Ahmad Ibrahim. (2000). The administration of Islamic law in Malaysia. IKIM.
- Alatas, S. F. (2006). *Alternative discourses in Asian social science*. Sage.
- Al-Māwardī, A. H. (1996). *Al-Aḥkām al-sultāniyyah wa al-wilāyāt al-dīniyyah*. Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Andaya, B. W., & Andaya, L. Y. (2015). *A history of Malaysia* (3rd ed.). Palgrave Macmillan.
- Auda, J. (2008). *Maqasid al-shariah as the philosophy of Islamic law*. IIIT.
- Azman Yusof, Ibrahim Majdi Mohd Kamil, Amran Muhammad, & Rahimin Affandi Abdul Rahim. (2025). Fiqh al-Watan dan legitimasi Islam tempatan: Satu kerangka dekolonisasi. *International Journal of the Malay World and Civilization*, 13(3), 53–64.
- Azra, A. (2004). *The origins of Islamic reformism in Southeast Asia*. Allen & Unwin.
- Bell, D. A. (2015). *The China model*. Princeton University Press.
- Bennett, T. (1995). *The birth of the museum: History, theory, politics*. Routledge.
- Bonner, M. (2006). *Jihad in Islamic history*. Princeton University Press.

- Cook, D. (2005). *Understanding jihad*. University of California Press.
- Foucault, M. (1972). *The archaeology of knowledge*. Pantheon.
- Hallaq, W. B. (2013). *The impossible state: Islam, politics, and modernity's moral predicament*. Columbia University Press.
- Harrison, R. (2020). *Heritage futures*. UCL Press.
- Harrison, R., Dias, N., & Kristiansen, K. (Eds.). (2024). *Critical heritage studies and the futures of Europe*. UCL Press.
- Hooker, M. B. (2003). *Indonesian Syariah: Defining a national school of Islamic law*. Allen & Unwin.
- Hooper-Greenhill, E. (2000). *Museums and the interpretation of visual culture*. Routledge.
- Ibn Khaldūn. (2005). *The Muqaddimah: An introduction to history* (F. Rosenthal, Trans.). Princeton University Press.
- Ibrahim Majdi Mohamad Kamil, Azman Yusof, Amran Muhammad, & Rahimin Affandi Abdul Rahim. (2025). Perkembangan teori Fiqh al-Watan di negeri Pahang: Satu pemerhatian epistemologi. *International Journal of World Civilizations and Philosophical Studies*, 3, 171–186.
- Kamali, M. H. (2008). *Shari'ah law: An introduction*. Oneworld.
- Kamali, M. H. (2010). *Principles of Islamic jurisprudence*. Islamic Texts Society.
- Kamali, M. H. (2019). *Citizenship and accountability of government: An Islamic perspective*. IIIT.
- Laffan, M. (2011). *The makings of Indonesian Islam*. Princeton University Press.

- Liaw Yock Fang. (1976). Undang-undang Melaka. Martinus Nijhoff.
- Macdonald, S. (2013). *Memorylands: Heritage and identity in Europe today*. Routledge.
- Mahbubani, K. (2020). *Has China won?* PublicAffairs.
- Message, K. (2019). *Museums and social activism*. Routledge.
- Milner, A. (2011). *The Malays*. Wiley-Blackwell.
- Muhammad Fakhruddin Ishak, Azman Yusof, Ibrahim Majdi Mohd Kamil, Amran Muhammad, & Rahimin Affandi Abd Rahim. (2026). Konsep civilizational state sebagai alternatif kepada nation state: Satu analisis awal. Dalam Pendidikan, peradaban dan pembangunan insan: Wacana kontemporari dalam pengajian Islam 2026 (pp. 40–50). Penerbit Fakulti Pengajian Islam Universiti Malaysia Sabah (UMS).
- Rahimin Affandi Abdul Rahim, & Muhammad Ikhlas Rosele. (2017). Dimensi jihad dalam perjuangan pahlawan Melayu menentang penjajah di Pahang. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 10(1), 89–106.
- Reid, A. (2015). *A history of Southeast Asia: Critical crossroads*. Wiley-Blackwell.
- Said, E. W. (1978). *Orientalism*. Pantheon.
- Silverman, H. (2022). *Heritage politics*. Routledge.
- Smith, L. (2023). *Emotional heritage*. Routledge.
- Smith, L. T. (2012). *Decolonizing methodologies*. Zed Books.
- Waterton, E., & Watson, S. (2020). *Heritage and memory*. Routledge.
- Winter, T. (2015). Heritage diplomacy. *International Journal of Heritage Studies*, 21(10), 997–1015.